

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Saturday, February 18, 2017 4:58 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Sadao Bike To Kedah 2017 Erat Hubungan Dua Negara



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



18 FEBRUARI 2017 / 21 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Seksyen Fotografi

SADAO BIKE TO KEDAH 2017 ERAT HUBUNGAN DUA NEGARA



UUM ONLINE: Seramai 1,700 peserta memeriahkan Program Thailand-Malaysia Relationship Sport Tourism: Sadao Bike To Kedah 2017 sempena Sambutan Hari Pengasasan ke-33 Universiti Utara Malaysia (UUM) dan meraikan 60 tahun hubungan diplomatik Malaysia-Thailand.

Program dua hari yang berlangsung dari 18 hingga 19 Februari ini dimulakan dengan 1,300 peserta dari Thailand melakukan kayuhan muhibah dari Pejabat Daerah Sadao, Thailand menuju ke kampus di rimba hijau.

Peserta dari Thailand yang tiba di UUM kira-kira jam 10:15 pagi itu kemudian disertai 400 peserta dari Malaysia dan mengikuti beberapa aktiviti seperti lawatan ke sekitar kampus seterusnya bersama-sama melakukan kayuhan menuju ke Sadao, Thailand.

Pelbagai aktiviti dijalankan seperti acara sukan persahabatan serta persembahan formasi daripada peserta yang memberi pendedahan tentang aspek kepentingan kerjasama antara agensi merentasi sempadan dari entiti yang berbeza.

Ketibaan para peserta tersebut di UUM telah diraikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kayu Hitam, Dato' Ahmad Zaini Japar, Datuk Bandar Sadao, Sumet Sasuthorn dan Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Naib Canselor berkata program Sadao Bike To Kedah 2017 yang berbentuk Pelancongan Sukan ini merupakan acara utama sempena Hari Pengasasan ke-33 UUM yang disambut pada 16 Februari.

"Program ini bukan acara sukan semata-mata tetapi satu program yang boleh mengeratkan hubungan kedua-dua buah negara melalui acara sukan berbasikal.

"Saya percaya melalui program sebegini, hubungan antara kedua-dua buah negara akan bertambah erat khususnya masyarakat di Utara Semenanjung termasuk UUM dan juga rakyat di Selatan Thailand.

"Diharapkan kesempatan ini boleh digunakan para peserta untuk mengenali negeri Kedah dan UUM dengan lebih dekat," ujar beliau ketika berucap mengalu-alukan kehadiran semua peserta di Padang Kawad UUM.

Beliau turut mencadangkan agar program sedemikian dijadikan acara tahunan yang dianjurkan secara bergilir-gilir antara Malaysia dan Thailand.

Sementara itu Datuk Bandar Sadao, Sumet Sasuthorn merakamkan ucapan terima kasih kepada UUM atas sambutan baik dan layanan mesra yang diberikan kepada semua peserta.

Menurutnya lebih banyak program sedemikian akan dirancang pada masa hadapan demi hubungan jangka masa panjang antara kedua-dua buah negara.

Pada majlis itu juga seramai 30 orang warga Malaysia berketurunan Thai menerima sumbangan kelengkapan harian yang disempurnakan oleh Sumet Sasuthorn.

Tetamu kenamaan turut dibawa melawat sekitar kampus termasuk melawat pokok tiga beradik di Hutan Sintok.

Hadir sama Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla, Thailand, Mohd Afandi Abu Bakar, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Abdul Malek Abdul Karim, Pegawai Daerah Kubang Pasu, Tuan Haji Fisol Md Noh dan pegawai-pegawai kanan UUM.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
✉ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.